

Rakyat Malaysia dipandang tinggi

29/10/2019 ml:2

PM bangga ramai bekerja di negara asing sebagai ahli profesional, miliki kemahiran

Ashgabat (Turkmenistan): Kelebihan rakyat Malaysia yang bekerja di negara asing sebagai ahli profesional dan memiliki kemahiran dan kebolehan tertentu menjadikan mereka dipandang tinggi, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa ini, Perdana Menteri berkata, sudah ramai rakyat Malaysia yang bekerja di negara lain mempunyai ilmu yang tinggi terhadap pekerjaan masing-masing seperti menjadi jurutera, juruterbang serta doktor, bukannya sebagai buruh kasar atau pembantu rumah.

“Ini menyebabkan rakyat Malaysia dipandang tinggi. Kalau kita bekerja di negara luar sebagai buruh kasar, tentulah pandangan orang asing tidak sebegitu. Ini kerana rakyat kita di luar negara mempunyai kebolehan tertentu dan dapat beri sumbangan kepada negara tempat mereka bekerja.

“Saya harap semua rakyat Malaysia adalah sedemikian dengan menuntut ilmu, memiliki kecekapan dan jadi ahli profesional di luar negara,” katanya pada majlis jamuan makan malam bersama kira-kira 80 warga diaspora Malaysia di Turkmenistan di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Duta Besar Malaysia ke Turkmenistan, Roseli Abdul.

Dr Mahathir yang berada di sini



Dr Mahathir disambut rakyat Malaysia yang menetap di Turkmenistan ketika hadir pada majlis makan malam di Ashgabat, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

untuk lawatan rasmi dua hari, berbangga dengan kemampuan dimiliki rakyat Malaysia yang bekerja di negara asing, malahan apabila pulang ke tanah air, mereka memberi sumbangan kepada kemajuan negara.

“Mereka tetap ingat akan tanah air. Walaupun bekerja di negara asing, akhirnya apabila kembali ke Malaysia, mereka sumbang kepakaran di negara sendiri. Dengan itu, Malaysia menjadi sebuah negara maju dan bukan lagi negara membangun.

“Kebolehan kita setaraf dengan kebolehan negara maju. Inilah hasrat kita dan ada yang kata, kita sudah mencapai sebahagian (negara maju) dan ada pendapat kata, Malaysia sudah menjadi negara maju, tetapi sebenarnya kita belum menjadi negara maju.

Mereka tetap ingat akan tanah air. Walaupun bekerja di negara asing, akhirnya apabila kembali ke Malaysia, mereka sumbang kepakaran di negara sendiri. Dengan itu, Malaysia menjadi sebuah negara maju dan bukan lagi negara membangun.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

“Kita perlu berusaha untuk menguasai semua bidang supaya kita boleh menyumbang kepada pemodenan negara kita dan dunia amnya,” kata Perdana Menteri.

Lawatan Dr Mahathir ke sini adalah atas jemputan Presiden Turkmenistan, Gurbanguly Berdimuhamedov yang mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada Disember 2011 dan November 2016.

Kedua-dua pemimpin turut mengadakan mesyuarat terhad diikuti mesyuarat dua hala dan majlis pemeteraian program kerjasama.

Sebelum lawatan rasmi ke Turkmenistan, Dr Mahathir berada di Azerbaijan bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-18.

Sementara itu, Dr Mahathir

menyifatkan kemampuan dan kepakaran dimiliki syarikat petroleum negara, PETRONAS, dalam membangunkan industri minyak dan gas di Malaysia dan di luar negara seperti di Turkmenistan adalah satu kejayaan yang luar biasa.

Beliau berkata, kejayaan PETRONAS yang kini beroperasi di merata dunia adalah kerana kakitangan syarikat berkenaan menguasai ilmu dan kecekapan dalam bidang berkenaan, sekali gus mendapat pengiktirafan dari negara asing.

“Hari ini, dunia mengiktiraf PETRONAS sebagai satu gergasi dalam bidang petroleum dan gas. PETRONAS bukan sahaja keluaran minyak di Malaysia, tetapi mampu memasuki industri ini (minyak dan gas) di luar negara,” katanya.

BERNAMA